

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH PUBLISITI KERAJAAN NEGERI BAGI  
PENGUMUMAN TERMA DAN SYARAT BARU SKIM AIR SELANGOR**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan setiap jenis pengumuman awam yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menguar-uarkan terma dan syarat terbaru bagi pendaftaran Skim Air Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Pengumuman rasmi melalui kenyataan media program penjajaran semula pemberian air percuma yang dijenamakan sebagai Skim Air Darul Ehsan telah dikeluarkan pada 27 September 2019. Hebahan serta pengumuman awam adalah melalui media massa dan hebahan melalui media sosial.

Pada tarikh yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menganjurkan Taklimat Skim Air Darul Ehsan di Dewan Jubli Perak, SUK Shah Alam dimana penerangan berhubung skim ini telah diberikan oleh pihak UPEN dan Air Selangor. Taklimat tersebut dihadiri oleh wakil-wakil Pusat Khidmat Masyarakat dari 56 DUN, Pesuruhajaya Bangunan (COB), Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC), Penghulu dan Ketua Kampung. Taklimat yang diberikan oleh pihak UPEN dan Air Selangor menerangkan secara terperinci berhubung skim ini termasuk syarat kelayakan, cara-cara memohon dan pelaksanaannya.

Kerajaan Negeri melalui Pengurusan Air Selangor telah membuat hebahan dan promosi secara berterusan berhubung Skim Air Darul Ehsan ini melalui sesi jelajah penerangan dengan kerjasama Pusat Khidmat Setempat dan wakil-wakil komuniti setiap daerah di Selangor.

Senarai pengumuman yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

1- Pengumuman melalui edaran bahan cetak

- a. Air Selangor telah menyediakan dan mengedarkan bahan cetakan Skim Air Darul Ehsan seperti borang permohonan, poster dan soalan lazim melalui

Kaunter Perkhidmatan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dan edaran semasa sesi taklimat yang dijalankan.

## 2- Liputan siaran TV dan Media Elektronik

- a. TV3 telah membuat liputan semasa sesi Taklimat Skim Air Darul Ehsan di PKM Dun Batang Kali di Bukit Beruntung pada 3 Oktober 2019.
- b. TV Selangor juga telah menyiarkan makluman dan informasi berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang diumumkan pada 27 September 2019.

## 3- Pengumuman melalui Online Media

Pengumuman Kerajaan Negeri berhubung Skim Air Darul Ehsan telah disiarkan oleh Online Media pada 27 September 2019 seperti berikut:

- a. Selangorkini
- b. New Straits Time
- c. Utusan Online
- d. Sinar Harian,
- e. MyMetro
- f. Astro Awani
- g. Kosmo

## 4- Hebahan di Media Sosial dan Laman Sesawang

Hebahan dan maklumat Skim Air Darul Ehsan juga dibuat melalui saluran-saluran media sosial dan laman sesawang seperti berikut:

- a. Facebook Air Selangor dan Media Selangor
- b. Youtube
- c. Twitter Air Selangor
- d. Air Selangor juga telah memuatnaik makluman serta borang pendaftaran di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) selain hebahan di Media Sosial (Facebook dan Twitter)
- e. Perkongsian melalui aplikasi WhatsApp

## 5-Taklimat Skim Air Darul Ehsan

Bermula dari 27 September 2019 sehingga 14 Oktober 2019, sebanyak 168 program taklimat telah dilaksanakan di beberapa lokasi seperti jadual di bawah.

### LAPORAN STATISTIK PROGRAM TAKLIMAT SKIM AIR DARUL EHSAN

Pejabat Ahli Parlimen	Pejabat ADUN	Penghulu/Mukim	Kampung/MPKK	OB & JMB	Zon / Ahli Majlis	Agensi Kerajaan	Pusat Ibadah	Lain-Lain	JUMLAH
17	34	17	28	12	16	21	8	15	168

Air Selangor akan terus melaksanakan aktiviti hebahan dan taklimat Skim Air Darul Ehsan bagi mengumpul borang dan menggalakkan pendaftaran kepada pemohon yang layak secara berterusan sehingga tarikh tutup pada 31 Disember 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH PENDATANG ASING**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi masalah pendatang asing yang banyak membuka perniagaan di Negeri Selangor

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan Soalan 280 daripada Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (N 15 Taman Templer) berkaitan Kebanjiran Warga Asing.

- a) Pada masa ini, bagi tujuan mengatasi masalah pendatang asing yang banyak membuka perniagaan di Negeri Selangor, PBT telah membuat ketetapan dasar bahawa PBT tidak melesenkan perniagaan kecil/ sederhana (penjaja) kepada warga asing. Bagi premis-premis PBT seperti gerai dan pasar, mana-mana penyewa yang di dapati menyewakan lesen serta premis kepada warganegara asing akan diambil tindakan penamatan atau pembatalan lesen/permit kepada penyewa serta operasi sitaan barang juga akan dilakukan oleh pihak penguatkuasaan.

Walaubagaimanapun, bagi permohonan lesen perniagaan, secara dasarnya, mensyaratkan dan berpandukan kepada Perakuan Pendaftaran Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Maklumat Pemilikan Syarikat, iaitu warga asing yang telah mendaftar syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai permit dan visa yang sah untuk menjalankan perniagaan tersebut. Disamping menetapkan jumlah modal berbayar hendaklah tidak kurang dari RM500,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU KETIADAAN LAMPU JALAN**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ketiadaan lampu jalan di sekitar jalan Dengkil seperti di Desa Putra, Sungai Merab, Jenderam Hilir, Olak Lempit dan Jalan Dengkil-Banting?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi Jalan Persekutuan yang tiada lampu jalan, JKR akan mengkaji dari semasa ke semasa keperluan dan kesesuaian pemasangan lampu jalan berdasarkan Arahan Teknik Jalan (ATJ) dilokasi berkenaan.

Manakala di kawasan yang mempunyai lampu jalan yang tidak berfungsi pula adalah kerana isu kes kecurian. Peruntukan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat sebanyak RM 42 Juta telah dipohon kepada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi tahun 2019 di seluruh Selangor. Sehingga kini, hanya peruntukan berjumlah RM 1.5 Juta sahaja diluluskan bagi seluruh Negeri Selangor untuk dibahagikan pada setiap daerah bagi kerja-kerja menyelenggara lampu isyarat dan lampu jalan mengikut keutamaan.

Kerja pembaikan juga melibatkan pembaikan secara Jabatan bagi penggantian lampu dan lain-lain yang melibatkan alat ganti sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENCEMARAN AIR BERBAU**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya berlaku pencemaran air berbau yang kini kerap berulang?
  
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi projek baik pulih masalah air di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal / *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan

agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

**Maklumat tambahan:**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
  - ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
  - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- b) Kos perbelanjaan bagi projek baik pulih masalah air di Selangor adalah melibatkan kerja-kerja pembersihan sungai. Apabila suatu pencemaran berlaku dan memerlukan kepada kerja-kerja pembersihan, kos yang terlibat adalah sangat tinggi. Sebagai contoh, bagi kes pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih pada 2016 yang berpunca daripada sebuah premis penyimpanan minyak kenderaan terpakai, kos pembersihannya adalah hampir RM8 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PELABURAN SEKTOR PERTANIAN**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelaburan Kerajaan Negeri dalam sektor pertanian sejak lima tahun lalu dan apakah terdapat perancangan meningkatkan pelaburan di tahun mendatang? Sila nyatakan.

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : TAKUNGAN AIR EMPANGAN DI SELANGOR**

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan takungan air yang paling rendah dicatat pada setiap empangan di Selangor pada tahun ini.
- b) Adakah takungan air Empangan di Selangor mencukupi untuk menampung keperluan bekalan air di Selangor sehingga Disember 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah jadual peratusan takungan air yang paling rendah dicatat pada setiap empangan di Negeri Selangor pada tahun 2019 sehingga 18 Oktober 2019:

<b>BIL.</b>	<b>EMPANGAN</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PARAS AIR EMPANGAN TERENDAH (m)</b>	<b>PERATUS KAPASITI TAKUNGAN EMPANGAN TERENDAH (%)</b>
1	BATU	28/9/2019	99.80	81.19
2	SEMENYIH	1/10/2019	110.18	95.05
3	LANGAT	29/9/2019	216.90	76.89
4	KLANG GATES	20/5/2019	92.82	78.53
5	SG.SELANGOR	30/9/2019	206.45	65.61
6	TASIK SUBANG	25/9/2019	37.70	87.24
7	SG. TINGGI	3/10/2019	56.29	79.87

- b) Kapasiti takungan Empangan di Selangor adalah **MENCUKUPI** untuk menampung keperluan bekalan air sehingga Disember 2019. Sehingga kini, kapasiti takungan semua empangan adalah baik melebihi 80% KECUALI Empangan Sg.Selangor 70.29% (16/10/2019). Keupayaan takungan empangan juga mampu menampung untuk pembekalan air mentah bagi tujuan bekalan air di muka sawk melebihi tiga (3) bulan iaitu tertakluk kepada keperluan pelepasan air empangan.

Sehingga Oktober 2019, tren peningkatan paras air empangan adalah positif berikutan peralihan Monsun pada Oktober dengan nilai kadar taburan hujan yang tinggi sebelum masuk Monsun Timur Laut pada November hingga Mac. Berdasarkan maklumat Mets Malaysia, Negeri Selangor dijangka menerima hujan sedikit melebihi paras purata iaitu dari 320mm hingga 380mm pada bulan Oktober dan 370mm-430mm pada bulan November 2019. Adalah dianggarkan 50%(1,095mm) daripada jumlah hujan/tahun (2,190mm/tahun) telah turun di Negeri Selangor dan bakinya akan turun dalam tempoh terdekat dan ini akan berupaya meningkatkan paras air di semua empangan di Negeri Selangor.

Berdasarkan tinjauan tersebut, semua empangan dan ORS di Selangor diunjurkan mencapai simpanan penuh (100%) pada penghujung 2019 seperti jadual berikut:

No.	Empangan/ORS	Kapasiti Simpanan terkini (%)	Unjuran Kapasiti Simpanan @ 30.09.2019		
		22.10.2019	31.10.2019	30.11.2019	31.12.2019
1.	Sg Selangor	73.79%	75.24%	93.01%	100%
2.	Sg Tinggi	84.61%	87.66%	92.54%	100%
3.	Sg Semenyih	100%	100%	100%	100%
4.	Sg Langat	89.39%	89.37%	100%	100%
5.	Sg Batu	86.44%	86.93%	100%	100%
6.	Klang Gates	100%	98.07%	100%	100%
7.	Tasik Subang	98.44%	98.51%	100%	100%
8.	ORS Sg Labu	99.62%	100%*	100%*	100%*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PENGGUNAAN TANAH T.O.L. UNTUK MENJANA PENDAPATAN  
PENDUDUK**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan tertentu untuk membantu golongan marhaen menjana pendapatan tambahan dengan menggunakan tanah T.O.L. untuk jangka masa pendek?
- b) Apakah sudah ada pasukan badan bertindak bagi mengkaji penggunaan optima tanah T.O.L.?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara (KTN) telah menyatakan pihak yang layak memohon pelupusan Tanah Kerajaan. Peruntukan ini juga terpakai kepada golongan marhaen yang layak.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bil.4/2015, pengeluaran Temporary Occupation License (T.O.L) di bawah seksyen 65 Kanun Tanah Negara (KTN) hanya melibatkan 5 jenis kegunaan seperti berikut:-

- i. Tapak semaian / tapak jualan pokok hiasan
- ii. Tanaman kontan
- iii. Pondok pengawal
- iv. Papan iklan (billboard)
- v. Tempat meletak kereta

Daripada 5 jenis tersebut, golongan marhaen yang layak di bawah seksyen 43 KTN boleh memohon TOL bagi kegunaan tapak semaian dan tanaman kontan. Tiada rekod yang jelas berkenaan permohonan TOL daripada golongan marhaen namun, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) telah mengemukakan rekod permohonan TOL daripada individu. Sejak berkuat kuasa pemakaian Pekeliling

4/2015 sehingga kini sejumlah 734 permohonan daripada individu telah diluluskan. Perincian permohonan TOL adalah seperti di Lampiran A.

- b) Sebelum ini Kerajaan Negeri melalui Pekeliling PTGS Bil. 7/2011 telah membenarkan TOL untuk 27 jenis kegunaan. Namun begitu pengawalan sukar dilaksanakan kerana aktiviti yang diluluskan melalui pemberian TOL adalah bersifat kekal dan penguatkuasaan terhadap tapak yang telah tamat TOL sukar dilaksanakan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah meluluskan pengeluaran TOL hanya untuk 5 kegunaan bersifat sementara sahaja melalui Pekeliling PTGS Bil. 4/2015. Tiada pewujudan badan bertindak khas bagi mengkaji penggunaan optima tanah TOL di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pemantauan berkala dari masa ke semasa telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah bagi tujuan pembaharuan TOL setiap tahun.

#### Lampiran A

	2015		2016		2017		2018		2019		Jumlah
	Tanaman Kontan	Tapak Semaian	Tanaman Kontan	Tapak Semaian	Tanaman Kontan	Tapak Semaian	Tanaman Kontan	Tapak Semaian	Tanaman Kontan	Tapak Semaian	
Petaling	0	0	0	0	1	22	6	8	1	4	42
Gombak	0	5	4	8	5	8	2	8	2	0	42
Hulu Langat	18	11	64	30	33	40	19	26	29	15	285
Klang	80	11	20	13	13	3	28	6	22	5	201
Hulu Selangor	16	0	13	1	33	0	3	0	7	0	73
Kuala Langat	22	16	3	5	5	6	1	1	1	0	60
Kuala Selangor	0	0	1	0	5	0	1	0	2	0	9
Sabak Bempam	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1
Sepang	1	1	1	0	4	2	4	1	6	1	21
<b>Jumlah</b>	137	44	106	57	99	81	65	50	70	25	734

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : RUMAH TIDAK DISELENGGARA**

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain membilkan kos penyelenggaraan rumah yang tidak di selenggara kepada pemilik, apakah penyelesaian jangka masa panjang yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri, memandangkan proses notis hingga pelaksanaan penyelenggaraan memakan masa yang terlalu lama dan keperluan untuk melaksanakan yang sama secara berulang?

**JAWAPAN:**

- a) Sekiranya pemilik gagal untuk menyelenggara rumah sehingga menimbulkan kacau ganggu, PBT boleh mengeluarkan notis kacau ganggu kepada pemilik untuk menghapuskan kacau ganggu tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Dalam hal ini, kegagalan pemilik rumah untuk mematuhi notis tersebut, PBT sendiri boleh menghapuskan kacau ganggu itu dan boleh menuntut belanja mengenainya daripada pemunya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 82(4) Akta 171.

Seterusnya, sekiranya pemilik gagal untuk menjelaskan tuntutan, PBT boleh mengambil tindakan di bawah seksyen 114 Akta 171 bagi mendapatkan semua belanja dan kos yang telah ditanggung akibat daripada kerja yang telah dilaksanakan oleh PBT melalui tindakan sivil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PROGRAM SARAPAN PERCUMA MURID SEKOLAH**

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang melaksanakan program sarapan percuma di sekolah-sekolah rendah agama di bawah JAIS sepertimana pelaksanaan di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan namun perkara ini bolehlah diteliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KEDAI PERNIAGAAN DI BAWAH PEJABAT DAERAH  
DAN JUGA PBT TEMPATAN**

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menaiktaraf kedai ini kerana ada antaranya sudah kelihatan uzur dan daif kerana sudah lama tidak diselenggara dengan baik?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah pendapatan Kerajaan yang diperolehi melalui anak-anak syarikat tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Anak Syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada Badan Berkanun dan kumpulan Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI).

Terdapat enam (6) Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri. Manakala di bawah MBI, terdapat 20 buah Anak Syarikat yang terdiri daripada 17 buah syarikat di bawah kategori *State Owned Enterprises* dan tiga (3) buah di bawah kategori *Company Limited By Guarantee*.

- b) Jumlah pendapatan yang dirancang untuk dikutip melalui sumbangan pendapatan Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM58.65 juta. Setakat Oktober 2019, sejumlah RM36.55 juta telah disumbangkan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MASALAH AKSES KELUAR MASUK LOT TANAH ESTET KAMPUNG AIR  
HITAM, KLANG**

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jalan penyelesaian terhadap permasalahan akses laluan keluar masuk lot-lot tanah estet Kg. Air Hitam?

**JAWAPAN:**

- a) Permasalahan di Lot-lot Kg. Air Hitam melibatkan dua (2) isu utama iaitu Laluan Keluar Masuk dan Pembinaan Infrastruktur (jalan). Pentadbir Tanah Klang (PDT) bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah meneliti cadangan laluan akses yang bersesuaian yang memerlukan pemilik tanah membuat serahan sebahagian tanah bagi tujuan jalan. Berhubung isu pembinaan infrastruktur jalan, PDT Klang ada mencadangkan pilihan kaedah yang bersesuaian agar MPK dapat menyelaras pembinaan laluan. Kos Pengambilan Tanah dan Kos Infra yang terlibat akan ditimbal balik kepada pemilik tanah.

Kertas cadangan dan penyelesaian laluan akses di Kg. Air Hitam ini telah disediakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : ISU KERETA TERBIAR**

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu kereta terbiar semakin serius dan sukar diatasi disebabkan kekurangan tempat untuk menyimpan dan tempoh untuk melupuskan sebuah kereta adalah terlalu lama. Apakah usaha dan tindakan akan diambil demi menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini, PBT menempatkan kenderaan terbiar ini di 19 lokasi depoh kenderaan di seluruh Selangor. Kenderaan terbiar ini dilupuskan mengikut prosedur pelupusan sedia ada sama ada melantik kontraktor luar untuk urusan pelupusan ataupun PBT sendiri akan menghantar kenderaan tersebut ke kilang besi buruk di mana proses ini mengambil masa antara enam (6) bulan hingga satu (1) tahun.

Antara usaha-usaha PBT untuk menyelesaikan permasalahan tersebut adalah dengan:

- i) Mengenakan tindakan undang-undang secara menyeluruh.  
Tindakan penguatkuasaan undang-undang dikenakan seperti pengeluaran notis, kompaun dan juga tindakan sitaan kenderaan terbengkalai/terbiar.
- ii) Menyediakan kawasan dan logistik bagi kenderaan tersebut.  
PBT menyediakan kawasan dan logistik bagi penempatan kenderaan yang terbengkalai/terbiar. Penggunaan '*tow truck*' dan juga '*load loader*' digunakan bagi mengangkut kenderaan tersebut ke penempatan yang disediakan.

Kerajaan Negeri masih menunggu garis panduan menguruskan kenderaan terbiar daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia sebelum sesuatu Garis Panduan yang seragam di peringkat Negeri Selangor dapat dirangka dan selari di peringkat persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM SELANGOR GOLONGAN B40**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan memberi keutamaan untuk program IPR Negeri Selangor kepada Penjawat Awam Selangor dan Pegawai Pejabat DUN yang dalam ketegori B40?
- b) Bagaimana kerajaan akan membantu mereka untuk memiliki rumah pertama?
- c) Adakah kerajaan memberi keutamaan permohonan RSKU kepada mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor yang merangkumi Penjawat Awam Selangor dan juga Pegawai Pejabat DUN yang layak dan memenuhi kriteria dan syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan.

Program IPR yang boleh dimohon oleh golongan B40 seperti di **lampiran I**.

(b) dan (c) akan dijawab bersekali

Antara langkah Kerajaan Negeri bagi membantu Penjawat Awam Selangor dan Pegawai Pejabat DUN untuk memiliki rumah pertama melalui 2 kaedah atau pendekatan sama ada melalui **pembelian atau sewaan unit**.

Kaedah pertama adalah melalui **pembelian unit** melibatkan **Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel dan Skim Sewa Beli (Rent To Own)** adalah seperti berikut:

### **(i) Skim Rumah Selangorku**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam dengan meluluskan **kuota pengagihan tawaran Rumah Selangorku sebanyak 30% kepada penjawat awam** yang berkhidmat di Negeri Selangor yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Dengan ini, Kerajaan Negeri telah memberikan keutamaan dalam proses penawaran Rumah Selangorku khususnya kepada Penjawat Awam Selangor dalam kategori B40 terutamanya projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berharga RM42,000.00 seunit dan RM 100,000.00 seunit.

### **(ii) Skim Dana Sel**

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan **Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel)** yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu PHSSB menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

### **(iii) Skim Sewa Beli (Rent To Own)**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan cadangan berkerjasama beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai '*Rent To Own*' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah dibawah RM 10,000-00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh pihak LPHS bersama dengan pihak bank berkaitan dan perkara ini dalam penelitian secara terperinci daripada semua pihak terlibat. Ini bagi memastikan mekanisma

pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif serta mencapai objektif kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Setelah itu, cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

Manakala kaedah kedua adalah **sewaan** melibatkan **Skim Smart Sewa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** adalah seperti berikut ;

**(i) Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat **pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar** apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan **memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada** sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

**Pembelian sebanyak 979 unit** rumah mampu milik telah dilaksanakan di bawah Skim Smart Sewa oleh LPHS di mana **Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)** dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini.

Sehingga kini, 431 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 248 unit dalam proses penyerahan unit kepada LPHS dan juga sewaan unit kepada orang awam dan baki sebanyak 300 unit masih dalam pembinaan di tapak.

**(ii) Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Perumahan untuk disewakan sahaja kepada mereka yang berpendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00 sebulan. Kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewa pada harga sewaan RM 124.00 sehingga RM 250.00 sebulan berbanding kadar sewaan pasaran semasa sekitar RM 400.00 sehingga RM 650.00 sebulan. Secara langsung, ianya membantu golongan ini untuk mendapat manfaat daripada kadar sewaan yang rendah dan lebih pendapatan mereka boleh digunakan sebagai simpanan sehingga mereka berkemampuan untuk tujuan pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang.

Berikut adalah **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** yang ditawarkan kepada orang awam seperti berikut :

BIL	LOKASI	BIL. UNIT	BIL PENGHUNI	BAKI UNIT KOSONG	PENGENDALI	PENGURUSAN
1.	PPR Hicom	980	980	0	LPHS	PHSSB
2.	PPR Serendah	300	125	175	LPHS	PHSSB
3.	PPR Kota Damansara	1,152	1152	0	MBPJ	PHSSB
<b>JUMLAH</b>		<b>2,432</b>	<b>2,257</b>	<b>175</b>		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : SAMPAH RENTAS SEMPADAN PBT**

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani isu sampah haram rentas sempadan PBT (misalnya sampah dari kedai tanpa lesen di PBT A dibuang di PBT B)?

**JAWAPAN:**

- a) Antara tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu sampah haram yang dibuang merentasi sempadan adalah PBT akan menyiasat sisa sampah haram yang dibuang dengan lebih terperinci bagi mengenal pasti alamat premis melalui dokumen-dokumen yang dibuang atau bahan-bahan proses premis. Sekiranya PBT mendapati alamat premis adalah dari luar kawasan pentadbirannya, maklumat tersebut akan disalurkan kepada PBT berkenaan untuk mengambil tindakan penyiasatan dan PBT boleh mengeluarkan Notis Kompaun kepada pemilik premis serta PBT boleh menarik lesen perniagaan sekiranya didapati melanggar syarat lesen yang ditetapkan. PBT juga boleh menyita kenderaan pengangkut sampah yang melakukan kesalahan serta mengeluarkan kompaun dan kos operasi penguatkuasaan.

Selain itu, kepada pemilik tanah yang membiarkan / membenarkan sampah dibuang ke tanah miliknya, PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan amaran, kompaun dan Notis berdasarkan undang-undang berikut:-

1. mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82 Borang B, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) kepada pemilik tanah supaya kacau ganggu dihapuskan;
2. mengeluarkan Notis Kerja Tanah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit Dan Bangunan (Akta 133); dan
3. mengeluarkan Notis di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) kepada pemilik tanah supaya memulihkan tanah kepada keadaan asal.

Manakala Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah juga boleh mengambil tindakan ke atas pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram dengan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik agar memulihkan pelanggaran syarat tanah tersebut. Seterusnya, Notis 7B akan dikemukakan bagi mendapatkan pengesahan terhadap pemulihan yang telah dibuat. Sekiranya selepas tempoh yang diberikan pemulihan tanah tidak dilaksanakan serta Pemilik Tanah Berdaftar masih ingkar dan berdegil, tindakan perampasan tanah oleh Pihak Berkuasa akan dilakukan di bawah Notis 8A, Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : RANCANGAN TEBATAN BANJIR DI MERU**

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status rancangan tebatan banjir di Meru?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran di Pekan Meru dengan kos sebanyak RM 9.85 juta. Kemajuan perlaksanaan projek adalah sebanyak 73% dan dijangka siap pada Mac 2020.

Bagi rancangan penyelesaian banjir secara menyeluruh di Meru, Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengemukakan permohonan Projek Rancangan Tebatan Banjir kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dengan kos sebanyak RM200 juta. Skop projek adalah meliputi menaiktaraf sistem saliran, pembinaan pintu air, pembinaan rumah pam dan kolam takungan di sekitar kawasan Pekan Meru, Taman Daya Meru, Jalan Teratai dan kawasan perindustrian serta Sungai Kapar Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : TANAH**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dari tahun 2008 hingga 2018 berapa banyak hektar tanah yang diberikan kepada MBI?
- b) Berapakah nilai jualan tanah tersebut kepada MBI?
- c) Berapakah pulangan hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri dari hasil jualan tanah kepada MBI?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, dari tahun 2008 hingga 2018 seluas 4,937 hektar (12,199.32 ekar) tanah telah diberikan kepada MBI.

(b) dan (c) dijawab bersekali,

Berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 5 Tahun 2011, kadar premium tanah yang dikenakan bagi pemberimilikan tanah kepada MBI adalah pada kadar nominal (RM1,000.00) bagi tanah dengan kegunaan dan syarat nyata TIADA. Sekiranya MBI ingin membangunkan tanah tersebut, ia perlu melalui proses tukar syarat tanah dan dikenakan kadar premium berdasarkan Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016.

Bagi pemberimilikan tanah kepada MBI seluas 4,937 hektar dari tahun 2008 hingga 2018, jumlah premium tanah yang telah dibayar oleh MBI kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM45,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN DAN PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kemajuan pelaksanaan projek pembersihan dan pembangunan sungai Kelang setakat ini?

**JAWAPAN:**

- a) Seperti berikut:

**Pembersihan:-**

Dalam usaha untuk mengawal sampah-sampah, pihak Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), pelaksana bagi projek pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan bermula pada Februari 2016 yang lalu dan sehingga kini, operasi masih diteruskan di sepanjang 56 kilometer jajaran, bermula dari pusat beli-belah Mid Valley (Lembah Klang) hingga muara Sungai Klang. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memasang tujuh perangkap sampah di semua cabang sungai yang mengalir ke Sungai Klang. Sementara dron digunakan untuk memantau aktiviti pembuangan sampah haram oleh pihak tidak bertanggungjawab,

Disamping itu, pihak LLSB telah menjalinkan kerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di The Netherlands iaitu The Ocean Cleanup (TOC) pada April 2019 yang lalu. Objektif utama kerjasama ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi pembersihan di Sungai Klang dengan pengaplikasian teknologi terkini daripada pihak TOC iaitu The Interceptor, yang kini sudah mula beroperasi di kawasan Pengkalan Batu, Klang bermula pada pertengahan Ogos 2019. Kerjasama ini juga telah menunjukkan bahawa projek SMG telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

**Pembangunan:-**

Dua (2) daripada lima (5) projek pemangkin di bawah fasa 1, Projek Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) iaitu projek penambahbaikan Taman Awam Pengkalan Batu dan pembangunan Mangrove Point telah mula dilaksanakan masing-masing pada bulan Julai dan Ogos 2019 yang lalu dan dijangka siap menjelang suku ke-2 tahun 2020. Tiga (3) lagi projek komersil yang

lain iaitu pembangunan Grand Bazaar, Cultural Village & Retreat Resort serta projek pemuliharaan bekas tapak pelupusan sampah di Telok Kapas akan bermula menjelang suku-1 tahun 2020. Kelima-lima projek ini akan mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang baharu dan kondusif di kawasan-kawasan yang terlibat dan seterusnya akan mengangkat Sungai Klang sebagai kawasan tumpuan pembangunan dan pelancongan yang baharu di Selangor, khususnya di kawasan Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PENINGKATAN ANAK LUAR NIKAH**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat program kerajaan untuk mendepani kes remaja hamil luar nikah?
- b) Berapakah perbelanjaan kerajaan untuk program pencegahan kes hamil luar nikah?
- c) Berapakah jumlah kes yang berlaku di Selangor mengikut umur dan kaum

**JAWAPAN:**

- a) Untuk isu remaja hamil luar nikah, terdapat banyak program yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia amnya dan JKN Selangor khususnya. Ia bermula dari promosi kesihatan sehingga ke penjagaan remaja hamil sehingga selepas kelahiran. Dari segi promosi, taklimat mengenai kesihatan remaja dan kesihatan reproduktif telah dijalankan di setiap sekolah menengah bagi pelajar tingkatan 1 setiap tahun iaitu semasa lawatan oleh Pasukan Kesihatan Sekolah di setiap daerah di Selangor. Penekanan tentang sentuhan selamat, bahaya HIV/AIDS dan bahaya hamil semasa remaja diberikan semasa ceramah. Ceramah atas keperluan dan permintaan dari sekolah juga dijalankan jika terdapat kawasan yang berisiko tinggi hasil dari analisa situasi.

Selain itu, kes-kes remaja hamil yang datang ke klinik kesihatan juga dipantau di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan remaja tersebut bersalin secara selamat. Kaunseling diberikan kepada remaja dan rujukan ke Pakar Perubatan Keluarga bagi pengurusan klinikal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk isu sosial remaja berkenaan. Semua remaja hamil akan dipantau sehingga selepas bersalin. Remaja hamil termasuklah remaja yang berumur 10 hingga 19 tahun yang telah hamil samaada belum berkahwin atau telah berkahwin.

Bagi negeri Selangor, terdapat program khas yang dijalankan untuk penjagaan remaja hamil terutamanya remaja hamil luar nikah. Program ini dinamakan Program Generasiku Sayang dan dilaksanakan sejak tahun 2017 bertempat di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam. Ia adalah kolaborasi di antara Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dengan Majlis Agama Islam Selangor

(MAIS). Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara 2 agensi ini pada 29 November 2017. MOU ini adalah untuk menjadikan kolaborasi ini secara formal, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2021 (5 tahun).

Objektif program ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan penjagaan kesihatan ibu (*antenatal dan postnatal*) kepada pelatih mengikut operasi piawai sedia ada
2. Menyediakan penjagaan kesihatan bayi Pelatih mengikut operasi piawai sedia ada
3. Saringan status kesihatan kepada pelatih
4. Menyediakan perkhidmatan perancang keluarga
5. Rujukan kepada Pakar Perubatan Keluarga jika perlu
6. Memberikan pendidikan kesihatan dan seksual reproduktif
7. Memantau pelaksanaan dalam operasi pusat perlindungan daripada aspek kesihatan.

Walaupun pusat perlindungan ini berada di Sabak Bernam, kemasukan pelatih adalah dari semua daerah di negeri Selangor setelah mereka melakukan permohonan kepada pihak MAIS.

b) Tiada peruntukan kerajaan yang spesifik bagi program pencegahan kes hamil luar nikah. Namun begitu, peruntukan yang digunakan adalah menggunakan peruntukan bagi program kesihatan keluarga di daerah dan negeri.

c) Jumlah kes adalah seperti berikut:

<b>REMAJA MENGANDUNG YANG DIBERI PENJAGAAN DI FASILITI KESIHATAN DI SELANGOR</b>			
	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bil remaja mengandung yang berdaftar</b>	1047	915	1962

<b>REMAJA HAMIL MENGIKUT UMUR</b>			
	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>JUMLAH</b>
10-14 TAHUN	25	18	<b>43</b>
15-17 TAHUN	420	372	<b>792</b>
18-19 TAHUN	602	525	<b>1127</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1047</b>	<b>915</b>	<b>1962</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : BAYARAN PBT KEPADA KDEBWM**

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak yang telah dibayar oleh setiap PBT kepada KDEBWM untuk tujuan pengurusan sisa pepejal mengikut kategori perkhidmatan yang dibekalkan setahun dan bandingkan pembayaran ini dengan perkhidmatan yang sama di negeri-negeri yang lain termasuk DBKL dan Perbadanan Putrajaya?

**JAWAPAN:**

- a) Nilai keseluruhan peruntukan tahunan yang telah diberikan kepada KDEBWM oleh sebelas (11) PBT bagi menguruskan kerja-kerja kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam adalah sebanyak RM400.70 juta setahun. Pecahan terperinci nilai kontrak yang telah dianugerahkan kepada KDEBWM mengikut kategori perkhidmatan dan PBT adalah seperti berikut:

No.	PBT	SKOP	NILAI KONTRAK (RM)
1	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	Kutipan Sampah Domestik	25,591,191.96
		Pembersihan Awam	29,200,762.80
2	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	Kutipan Sampah Domestik	20,013,080.04
		Pembersihan Awam	22,011,667.56
3	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	Kutipan Sampah Domestik	22,978,282.92
		Pembersihan Awam	19,635,738.24
4	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	Pembersihan Awam	8,044,246.80
		Kutipan Sampah Domestik	7,200,173.58
5	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	Kutipan Sampah Domestik	29,770,375.44
		Pembersihan Awam	28,514,699.77
6	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	Kutipan Sampah Domestik	11,691,965.28
		Pembersihan Awam	14,500,000.00
7	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	Kutipan Sampah Domestik	24,969,999.96
		Pembersihan Awam	30,300,000.00
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	Kutipan Sampah Domestik	13,416,687.60
		Pembersihan Awam	18,761,534.40
9	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	Kutipan Sampah Domestik	4,003,500.00
		Pembersihan Awam	3,827,430.84
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	Kutipan Sampah Domestik	5,723,724.00
		Pembersihan Awam	6,214,375.20
11	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	Kutipan Sampah Domestik	25,704,036.00
		Pembersihan Awam	28,646,870.76
<b>JUMLAH</b>			<b>400,720,343.15</b>

KDEBWM tidak mempunyai maklumat sebenar berkenaan jumlah peruntukan tahunan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat konsesi yang lain untuk dibuat perbandingan kerana maklumat tersebut dianggap sebagai sulit. Walaubagaimanapun, berdasarkan laporan kewangan tiga (3) syarikat konsesi utama bagi tahun 2018 yang diperolehi daripada portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pendapatan (*revenue*) ketiga-tiga syarikat tersebut adalah lebih tinggi dari KDEBWM berbanding dengan kuantiti sampah yang diuruskan.

Perbandingan pendapatan (*revenue*) antara ketiga-tiga syarikat konsesi ini dan KDEBWM berbanding jumlah sampah yang diuruskan sehari oleh ketiga-tiga syarikat konsesi berdasarkan Laporan dari *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp)* pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Syarikat	Negeri Yang Terlibat	Pendapatan (RM)	Jumlah sampah yang diuruskan sehari
E-Idaman Sdn. Bhd.	Kedah & Perlis	345 Juta (2018)	1,591 Tan
Alam Flora Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang	813 Juta (2018)	3,736 Tan
SWM Environment Sdn. Bhd.	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	901 Juta (2018)	4,610 Tan
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	Selangor	400.70 Juta (2019)	5,316 Tan (Tidak termasuk MBSA)

Berdasarkan jadual di atas, KDEBWM menguruskan sampah yang terbanyak di Malaysia iaitu sebanyak 6,800 tan sehari. Jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan, ternyata KDEBWM adalah sebuah syarikat *value for money* di mana dengan pendapatan yang hampir separuh lebih rendah berbanding Alam Flora dan SWM Environment, KDEBWM berjaya menguruskan negeri yang menjana sampah paling tinggi di Malaysia dan mampu untuk membuat pelbagai pembaharuan dengan membeli lori kompaktor dan RORO baru disamping memperkenalkan



sistem aduan i-Clean Selangor, *Centralized Command Center* (CCC) dan sebagainya yang melibatkan pelaburan sebanyak hampir RM250 juta.

Berbalik kepada soalan yang diajukan oleh YB Banting tadi, sekiranya ingin dibandingkan dengan syarikat konsesi yang memberikan perkhidmatan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, ternyata pendapatan (*revenue*) yang diperoleh oleh syarikat konsesi tersebut adalah hampir separuh melebihi pendapatan KDEBWM dan ini secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa nilai kontrak yang diberikan oleh DBKL dan Perbadanan Putrajaya adalah jauh lebih tinggi berbanding nilai kontrak yang diterima oleh KDEBWM daripada sebelas (11) PBT di negeri Selangor. Walaupun dengan nilai kontrak yang jauh lebih rendah, KDEBWM telah berjaya membanggakan kerajaan negeri dan mendapat pengiktirafan apabila berjaya memenangi anugerah *Smart Waste Solution Company of The Year* dari Frost & Sullivan untuk dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2018 dan 2019 selain dari anugerah Syarikat Pengurusan Sisa Pepejal terbaik dari Brand Laureate baru-baru ini dengan mengalahkan syarikat-syarikat konsesi lain.